



PERHATIAN: Pok Mud's sedang memberi penerangan kepada pelajar UPM, baru-baru ini.

150 ikuti kursus memancing di UPM

Oleh Tamizam Abdul Karim

SERDANG: Seramai 150 pelajar mendaftar untuk kursus kokurikulum memancing di Universiti Putra Malaysia (UPM) sekali gus kursus yang julung kali diadakan sebuah universiti tempatan.

Kursus memancing adalah satu daripada 43 kursus yang ditawarkan kepada pelajar Sesi 2008 sebagai memenuhi prasyarat untuk melayakkan mereka menamatkan pengajian nanti.

Dalam kenyataan Unit Perhubungan Awam UPM, kursus itu merangkumi tujuh komponen iaitu Wajadiri; Keusahawanan dan Teknologi; Sukan dan Rekreasi; Badan Beruniform, Kesenian dan Kebudayaan; Ketrampilan dan Kepimpinan; serta Kemasyarakatan dan Hubungan Komuniti. Kursus memancing termasuk dalam kursus Sukan dan Rekreasi.

Pengarah Pusat Kokurikulum UPM, Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata cadangan mewujudkan kursus memancing itu tertetus kerana pihaknya berpendapat memancing memiliki ciri-ciri unik dalam agenda modal insan dan ia dapat diperhalusi lagi dan diterjemahkan bagi membentuk kemahiran insaniah (KI) untuk pelajar.

"Memancing memerlukan kesabaran, daya usaha, kreativiti dan berani mencuba. Kriteria ini kemudian dapat diserapkan kepada pelajar ketika mereka menjalani kursus," katanya.

Beliau percaya kokurikulum itu mampu menjadi wadah pendedahan dalam usaha membantu pelajar mempersiapkan diri menghadapi persaingan serta cabaran apabila memasuki alam pekerjaan dengan membekalkan kemahiran dalam bidang lain selain pengkhususan akademik.

"Setidak-tidaknya pelajar terbabit

dapat mempraktikkan cara memancing yang betul di samping dapat memberi kesedaran kepada masyarakat nanti," katanya.

Dr Shatar berkata, program dan kursus memancing itu akan diteruskan selaras dengan dasar kementerian inginkan agenda KI yang perlu diberi penekanan selagi tiada perubahan dasar kementerian dan pihak pengurusan UPM sendiri.

Pusat kokurikulum UPM juga menjadi sumber rujukan oleh IPTA tempatan lain kerana kejayaan menganjurkan kursus yang berteraskan modal insan.

Kursus yang diwajibkan kepada pelajar baru itu diadakan setiap Sabtu dengan masa tiga jam setiap sesi selama 14 minggu. Ia dijangka selesai hujung Mac depan.

Seramai 5 tenaga pengajar berpengalaman diambil untuk lima kelas memancing sepanjang tempoh kursus berkenaan.

Sementara itu, seorang pelajar yang ditemui, Hwang Chiong Hee, pelajar kursus Sarjana Perhutanan berasal dari Miri, Sarawak memberitahu JORAN, memancing adalah aktiviti paling beliau minati sejak kecil.

"Kini UPM menganjurkan kursus memancing yang menjadi antara aktiviti kokurikulum. Peluang ini bagai orang mengantuk disorong bantal kepada saya. Minat yang mendalam dan keinginan untuk mendalami ilmu memancing dengan pengajar yang berpengalaman mendorong saya untuk mengambil kursus ini," katanya.

Kursus ini merangkumi pengetahuan berkaitan aktiviti memancing seperti keperluan asas, peralatan utama aktiviti memancing, penjagaan peralatan pancing, spesifikasi dan had binaan peralatan, teknik ikatan, keselamatan ketika memancing, lokasi memancing,



DR MOHAMMAD SHATAR

jenis dan habitat ikan, mengenali dan membuat umpan, pengendalian kaedah 'tangkap dan lepas', teknik-teknik memancing dan melaksanakan ekspedisi memancing. Kemuncak kursus ini ialah pertandingan memancing di kalangan pelajar pada akhir sesi kelak.

Terdapat tiga kolam utama di Bukit Expo UPM yang akan dijadikan tempat kuliah dan latihan praktikal pelajar mendalami ilmu memancing.

Setiap pelajar juga wajib menyediakan peralatan asas sendiri iaitu joran dan kekilii. Mereka juga akan merekodkan buku aktiviti sepanjang kursus termasuk kajian terperinci mengenai hasil tangkapan seperti jenis ikan, masa, berat, jenis umpan dan saiz mata kail.

Penekanan utama yang bakal diserapkan kepada pelajar ialah konsep tangkap dan lepas kecuali ikan raja (peacock bass) yang mengganggu habitat ikan lain di kolam UPM.

Bagi memastikan semua kursus dilaksanakan dengan berkesan, UPM turut menganjurkan Bengkel Pemantapan Kemahiran Insaniah untuk fasilitator setiap kursus baru-baru ini sebagai langkah mengemaskini pelaksanaan kursus berkenaan.